



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera**

**19 November 2020**

### **ASNB lancar unit amanah ASN Imbang 3 Global**

*Dana unit amanah pertama ASNB dengan portfolio pelaburan antarabangsa*

**KUALA LUMPUR, 19 November 2020:** - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini secara rasmi melancarkan ASN Imbang 3 Global, dana unit amanah pertamanya yang mempunyai portfolio pelaburan di pasaran antarabangsa.

ASN Imbang 3 Global yang merupakan unit amanah harga berubah, ditawarkan kepada semua rakyat negara ini dengan pelaburan permulaan minimum RM10.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Encik Mohammad Hussin, berkata, "ASN Imbang 3 Global akan mengambil peluang untuk melabur di pasaran berpotensi terpilih di luar negara untuk menjana pendapatan dan seterusnya memberi pulangan kepada pelabur. Dana ini memberi peluang kepada pelabur tempatan untuk menerima pulangan daripada pelaburan di luar negara, tanpa mereka perlu melakukannya sendiri. Ini menjadikan kos pelaburan mereka lebih murah dengan potensi pulangan lebih besar daripada pasaran antarabangsa."

ASN Imbang 3 Global telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan dan juga Timbalan Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB), YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada majlis pelancaran Minggu Saham Digital hari ini.

Sebanyak RM290 juta telah pun dilanggan melibatkan lebih 5,000 pelabur sejak ASN Imbang 3 Global ini ditawarkan dalam pasaran terhad sejak 16 September yang lalu.

ASN Imbang 3 Global sesuai untuk mereka yang mencari destinasi pelaburan dengan risiko sederhana dan mengharapkan peningkatan modal dan pulangan dari pelaburan untuk jangka panjang.

Menjelaskan lebih lanjut, Mohammad berkata, tabung ASN Imbang 3 Global yang berada dalam kategori Aset Campuran Imbang, akan melabur dalam portfolio pelbagai yang terdiri

daripada sekuriti tersenarai dan tidak tersenarai, pendapatan tetap dan instrumen pasaran tunai.

“Kira-kira 65% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) tabung ini akan dilaburkan dalam pasaran ekuiti manakala selebihnya dalam sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah cair.

Mohammad berkata, ASNB Imbang 3 Global akan mengguna pakai strategi berhati-hati dan bertahan dan sebarang keputusan pelaburan adalah dibuat berdasarkan prestasi ekonomi dan pasaran saham semasa.

Penanda aras prestasi yang ditetapkan untuk ASN Imbang 3 Global ialah gabungan prestasi antara MSCI All Country World Index (ACWI) dan Deposit Tetap 12-bulan Maybank.

Oleh kerana dana ini adalah dana harga berubah, harga jualan dan beliannya berubah berdasarkan NAB dana. Walau bagaimanapun disebabkan ASN Imbang 3 Global menggunakan mekanisma harga hadapan, penilaian NAB hanya akan dibuat selepas pukul 5.00 petang hari berikutnya berikutan perbezaan zon masa pasaran luar negara. Justeru NAB seunit harian akan diterbitkan dalam dua hari bekerja berikutnya.

Untuk memulakan pelaburan, orang ramai hanya perlu ke mana-mana Cawangan ASNB atau ejen ASNB. Bagi pelabur yang sudah menggunakan portal myASNB, mereka boleh memulakan pelaburan dalam tabung berkenaan tanpa perlu ke kaunter.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk ASN Imbang 3 Global, sila layari <https://bit.ly/2HhHm6A> atau imbas di sini:



- Tamat -

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 dana unit amanah yang menghampiri 258 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.4 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

#### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

#### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Nurman Mohd Nawi, Ketua, Jabatan Pemasaran & Publisiti ASNB | [nurman\\_mn@pnb.com.my](mailto:nurman_mn@pnb.com.my) | 03-2050 5754